

SEMASA HADIR TEMU DUGA

1. Anda dikehendaki membawa bersama semasa temu duga dokumen **ASAL** dan **SALINAN PHOTOSTAT** seperti berikut:-
 - a) Kad Pengenalan;
 - b) Sijil Kelahiran;
 - c) Sijil Kewarganegaraan Malaysia atau bukti-bukti lain yang mengesahkan Kerakyatan Malaysia seperti Sijil Kewarganegaraan Ibu/Bapa (jika berkenaan);
 - d) Sijil Tamat Darjah Enam dan/atau Surat Perakuan Pemastautin atau bukti-bukti lain yang mengesahkan anda tergolong dalam definisi *Anak Selangor (jika berkenaan);
 - e) Sijil Kelulusan Persekolahan SPM/SPM(V);
 - f) Sijil yang membuktikan kelulusan Bahasa Melayu setaraf kelulusan SPM (jika berkenaan);
 - g) Ijazah/Diploma dan transkrip/Surat Pengesahan Kelulusan Peperiksaan Akhir daripada pusat-pusat pengajian;
 - g) Surat Pelepasan Biasiswa selain daripada Pemegang Biasiswa Persekutuan (jika berkenaan);
 - h) Sijil-sijil lain yang ada kaitan dengan jawatan seperti Sijil Pendaftaran Penuh dengan Lembaga Ikhtisas atau kelulusan-kelulusan lain;
 - i) Sijil kegiatan luar (Asal Sahaja);
 - j) Sijil Pendaftaran Calon Kurang Upaya/Surat pengesahan penerimaan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat/Program Kesejahteraan Rakyat (jika berkenaan); dan
 - k) Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan, Laporan Penilaian Prestasi, Laporan Pengisytiharan Harta, Surat Pengesahan Ketua Jabatan (bagi calon memohon melalui Internet) dan slip gaji terakhir untuk pegawai sedang berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam sahaja.
2. Anda dikehendaki membawa "resume" bergambar yang ringkas dan padat.
3. Kegagalan mengemukakan dokumen seperti yang dikehendaki serta mengemukakan maklumat palsu akan menjejaskan pertimbangan untuk lantikan.
4. Anda dikehendaki berpakaian sopan semasa menghadiri temu duga.

*Anak Selangor: i) **Samada** pemohon atau ibu atau bapa lahir di Negeri Selangor; atau

ii) Mengemukakan **Surat Perakuan Asal** daripada Ketua Kampung/Pengulu yang mengesahkan pemohon telah tinggal dalam Negeri Selangor selama 15 tahun berturut-turut sehingga tarikh iklan ditutup.